

05/03/2000

Razaleigh boleh elak perpecahan

Dzulkfley Zanudin

KAMPAR: Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah boleh mengelak perpecahan dalam parti jika sedia menerima pencalonan untuk bertanding bagi jawatan Naib Presiden dalam pemilihan Umno, Mei ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata hanya penyelesaian itu dilihat sebagai kompromi bagi mengelak kepemimpinan Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicabar.

Menurutnya, atas dasar itulah, beliau, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain mencadangkan kepada bahagian Umno di negeri masing-masing supaya mencalonkan Tengku Razaleigh untuk jawatan naib presiden.

Tajol Rosli yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak berkata mereka sepakat membuat cadangan itu sebagai jalan keluar untuk mengelak perpecahan parti jika berlaku pertandingan, termasuk bagi jawatan timbalan presiden.

Beliau berkata, Tengku Razaleigh tidak harus menilai cadangan itu sebagai satu tamparan atau cuba memperkecilkan kedudukannya kerana jawatan naib presiden adalah jawatan penting dalam parti.

"Saya sendiri tidak tergamak bertanding jawatan itu. Bagi saya jawatan naib presiden tidak tinggi atau rendah. Tengku Razaleigh sendiri pernah menjadi naib presiden.

"Kita calon beliau sebagai naib presiden untuk memberi ruang kepadanya berjuang dalam Umno serta satu kompromi menyelesaikan masalah parti kerana kita tidak sanggup Umno dilanda krisis sekali lagi," katanya di sini, semalam.

Kelmarin, Shahidan berkata beliau dan dua Menteri Besar terbabit bersetuju untuk mencadangkan kepada bahagian Umno di negeri masing-masing supaya mencalonkan Tengku Razaleigh untuk jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan parti, Mei ini.

Shahidan berkata cadangan itu bagi mengelak perpecahan dalam Umno, terutama jika bahagian tertentu mencalonkan Tengku Razaleigh untuk merebut jawatan presiden atau timbalan presiden.

Difahamkan beberapa bahagian Umno berpendapat pencalonan Tengku Razaleigh untuk jawatan naib presiden tidak sesuai kerana beliau pemimpin kanan dalam parti serta pernah memegang jawatan itu sebelum ini.

Bagaimanapun, Tajol Rosli berkata, cadangan untuk mencalonkan Tengku Razaleigh bagi jawatan naib presiden hanya sekadar garis panduan dan menjadi hak beliau untuk menerima atau menolaknya.

"Kita tidak boleh memaksa ahli untuk tujuan itu kerana Umno mengamalkan demokrasi. Saya juga tidak tahu sama ada Presiden Umno setuju atau tidak cadangan itu. Kita berharap Tengku Razaleigh menerimanya sebagai jalan penyelesaian," katanya.

Beliau mengakui saranan itu menimbulkan risiko, terutama jika beberapa bahagian menolaknya yang boleh menjejaskan sokongan kepada pihaknya, padahal tujuannya baik untuk kepentingan dan perpaduan Umno.